

13/05/2002

Institusi Islam gagal punca umat ditindas

KUALA LUMPUR, Ahad - Seorang bekas pegawai kanan tentera mengaitkan kegagalan institusi yang ditubuhkan bagi meningkatkan kefahaman Islam, sebagai punca umat Islam tidak mampu mempertahankan diri apabila menghadapi tekanan musuh.

Datuk Abdul Malik Ahmad, 65, yang pernah berkhidmat dengan tentera udara selama 25 tahun ketika pemerintahan British, berkata institusi berkenaan hanya berperanan menyampaikan ajaran Islam, tetapi gagal mempengaruhi umat Islam untuk melaksanakannya seperti yang diperintahkan Allah.

Beliau berkata, keadaan ini tidak hanya berlaku di negara ini, tetapi turut membabitkan negara Islam lain sehingga menyebabkan umat Islam ditindas, dibunuh dan dizalimi musuh yang mahu menghancurkan Islam.

Abdul Malik yang turut mendalami pengajian Islam di Universiti Sains Teknologi al-Quran di Sumatera, berkata sekiranya keadaan itu dibiarkan, tidak mustahil umat Islam di negara ini akan mengalami nasib seperti rakyat Palestin, Bosnia atau di Gujerat, India.

Sehubungan itu, beliau berkata, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu umat Islam berusaha dan mendalami ajaran Islam, perlu diberi perhatian mendalam.

(END)